

27 JUN 2001

MAHATHIR-EKONOMI

M'SIA TIDAK AKAN MEMASUKI KEMELESETAN EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak tanggapan bahawa Malaysia sedang menuju kemelesetan ekonomi berikutan jangkaannya terhadap pertumbuhan ekonomi suku kedua yang lebih rendah.

"Tidak. Kita tidak akan memasuki kemelesetan ekonomi. Kecuali anda memperolehi pertumbuhan negatif dua suku tahun berturut-turut, maka anda boleh bicara mengenai kemelesetan," beliau memberitahu persidangan akhbar selepas menyampaikan ucap tama pada Kongres Pembangunan Ekonomi dunia di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata negara mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang positif dalam suku pertama tahun ini berbanding dengan suku pertama tahun 2000 dan satu lagi pertumbuhan dijangka dalam suku kedua 2001.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus bagi tempoh Januari-Mac 2001.

Perdana Menteri Isnin lalu berkata bahawa KDNK bagi suku kedua tidak akan sebaik sepatutnya dan akan agak serupa dengan pertumbuhan suku pertama.

Walaupun langkah-langkah diambil untuk mengurangkan penguncupan, ekonomi, Dr Mahathir berkata kemelesetan ekonomi di dalam ekonomi AS telah menjejaskan Malaysia memandangkan AS adalah rakan dagangannya yang besar, menyumbang 20 peratus daripada keseluruhan perdagangan Malaysia.

"Mereka tidak membeli sebanyak yang mereka pernah buat manakala rakan-rakan dagangan kita yang lain juga menderita akibat kelembapan ekonomi AS, yang sebaliknya juga menjejaskan kita," tambah beliau.

"Tetapi Malaysia masih mampu mencapai pertumbuhan dalam suku pertama, yang boleh dipuji, dan tiga peratus adalah masih pertumbuhan," jelas Dr Mahathir.

Ditanya sama ada Menteri Kewangan baru akan mampu mengendalikan ekonomi sebaik bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Dr Mahathir, yang kini memegang jawatan itu untuk tempoh sementara sehingga yang baru dilantik berkata: "Saya agak pasti beliau akan mampu mengendalikannya. Kita tidak bekerja seorang diri, kita bekerja bersama-sama. Kita ada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)."

Mengenai sama ada Menteri Kewangan baru itu akan dapat menyaingi kemampuan Daim untuk memulihkan ekonomi dalam jangka masa yang singkat, Dr Mahathir berkata keputusan-keputusan yang dibuat oleh Daim dahulu bukanlah keputusannya seorang diri.

"Kita ada jawatankuasa MTEN yang membincangkan cara-cara dan kaedah-kaedah untuk menguruskan ekonomi. Ia adalah usaha bersama dan bukan usaha seorang manusia. Kami semua di dalam jawatankuasa yang sama dan jawatankuasa itu masih wujud dan kami bermesyuarat setiap minggu," tambahnya.

Apabila ditanya sama ada Malaysia mungkin mahu mengurangkan kadar faedahnya jika AS memotong kadarnya malam ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir kadar faedah semata-mata akan berkesan kepada prestasi ekonomi."

Malaysia mempunyai alat-alat lain untuk meningkatkan ekonomi dan keputusan mengenainya akan terletak di atas bahu mereka di dalam jawatankuasa MTEN, katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memastikan

bahawa keputusan Intrakota untuk berhenti melalui 16 laluan bus di Lembah Klang berkuat kuasa 15 Julai bukan kerana ia kerugian wang kerana tidak cekap.

Katanya kerajaan memperakui hakikat bahawa sebagai sebuah syarikat perniagaan, Intrakota tidak boleh diminta memberikan perkhidmatan kebajikan walaupun ia kerugian wang disebabkan kadar penumpang yang rendah. --

BERNAMA

MAD KTC OS